

PM puji inisiatif NSTP edar akhbar percuma di Parlimen



Yuneswaran anggap inisiatif bantu menggalakkan semula pembacaan akhbar dalam kalangan masyarakat.

Anwar lihat usaha murni ke arah tingkat semula amalan membaca

Oleh Rohaniza Idris dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memuji inisiatif Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) mengedarkan akhbar terbitan syarikat itu secara percuma di Parlimen bermula kelmarin hingga sidang Dewan Negara berakhir, 14 Disember depan.

Perdana Menteri yang turut menerima naskhah akhbar *Bento Harian* (BH), *Harian Metro* (HM) dan *New Straits Times* (NST), menitipkan penghargaan serta melihatnya sebagai usaha murni ke arah meningkatkan se-

mula amalan membaca.

“Terima kasih. Ya, ia sangat baik untuk pupuk budaya membaca,” katanya ketika ditemui di Parlimen, semalam.

Terdahulu, beliau membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara.

Jadi akhbar rujukan

Sementara itu, Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) berkata, inisiatif itu besar manfaatnya, terutama bagi ahli Parlimen yang sememangnya menjadikan akhbar terbitan NSTP sebagai rujukan bagi mengetahui berita semasa.

“Inisiatif ini bagus, apatah lagi apabila diberikan secara percuma. Memang ada disediakan di ‘lounge’ Parlimen semua akhbar pelbagai bahasa tetapi hanya satu naskhah untuk setiap terbitan.

“Saya sendiri melanggan *BH* dan *NST* secara digital, jadi setiap jam 12.05 tengah malam, saya akan baca secara digital



Ahmad menerima edaran akhbar NSTP secara percuma di Parlimen.

dan teliti semua halaman untuk tahu berita semasa. Hari ini (semalam) dapat versi fizikal, lebih baik,” katanya.

R Yuneswaran (PH-Segamat) berkata, inisiatif untuk menggalakkan semula pembacaan akhbar dalam kalangan masyarakat wajar diteruskan, dalam keadaan minat membaca didapati semakin merosot.

“Ya, saya memang setiap hari membaca akhbar NSTP, tetapi sekarang ramai yang tidak minat membaca akhbar, sebaliknya gemar mendapatkan maklumat atau melayari sosial media se-

perti Facebook dan TikTok.

“Saya kira usaha memberikan akhbar secara percuma seperti ini dapat memupuk minat masyarakat untuk mendapatkan bahan bacaan formal,” katanya.

NSTP mengedarkan 300 naskhah akhbar *BH*, *NST* dan *HM* secara percuma di Parlimen dalam usaha mendekatkan masyarakat dengan akhbar terbitan syarikat itu.

Ia mula diedar jam 10 pagi di tiga lokasi utama, iaitu lobi Parlimen, lounge Ahli Parlimen Dewan Rakyat dan lounge Ahli Parlimen Dewan Negara.